



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5
Tarikh : 14 Mei 2024

PEKELILING AKADEMIK BIL. 18/2024

Semua Pelajar Program Prasiswazah dan Pascasiswazah

Saudara/i,

PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2023/2024

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Semester 3 Sesi Akademik 2023/2024 akan diadakan mulai **22 Julai 2024 hingga 8 September 2024**.

2. Oleh itu, sukacita sekiranya saudara/i dapat memberikan perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melancarkan proses pendaftaran kursus ini mengikut sepertimana yang disenaraikan di bawah:

- 2.1. Pendaftaran Kursus akan dijalankan mulai **20 Mei hingga 26 Mei 2024 (seminggu)** secara dalam talian melalui laman web <http://smplucee.ukm.my/smpweb>.
- 2.2. Pelajar adalah dinasihatkan supaya tidak mendedahkan Nombor Pin Pelajar (NPP) masing-masing untuk mengelakkan timbulnya masalah di kemudian hari.
- 2.3 Fakulti/Pusat yang menawarkan kursus adalah seperti berikut:
 - 2.3.1 Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
 - 2.3.2 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 - 2.3.3 Fakulti Pendidikan
 - 2.3.4 Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
 - 2.3.5 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 - 2.3.6 Fakulti Sains Kesihatan
 - 2.3.7 Fakulti Farmasi
 - 2.3.8 Fakulti Pengajian Islam
 - 2.3.9 Fakulti Undang-Undang
 - 2.3.10 Pusat Pengajian Citra Universiti



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

2.4. Maklumat dan kemudahan untuk mendaftar kursus adalah seperti berikut:

Tarikh	Tahun	Aktiviti	Tempat
20.5.2024 – 26.5.2024	Terbuka	Pendaftaran Kursus dan Gugur Kursus	Secara dalam talian https://smplucee.ukm.my/smpweb
22.7.2024 – 25.8.2024	Terbuka	Tarik Diri Kursus	
5.8.2024 – 11.8.2024	Terbuka	Pengesahan Pendaftaran Kursus	
19.4.2024 – 25.8.2024	Terbuka	Pengesahan Masuk Peperiksaan	

2.5 Pelajar yang berada dalam kategori Lulus Bersyarat (ALB) pada Semester 1 Sesi Akademik 2023/2024 dinasihatkan tidak mendaftar kursus pada Semester 3 ini.

2.6 Syarat-syarat pendaftaran Semester 3 Sesi Akademik 2023/2024 adalah seperti berikut:

2.6.1 Pendaftaran untuk Semester 3 Sesi Akademik 2023/2024 adalah pilihan kecuali untuk beberapa fakulti.

2.6.2 Pelajar dibenarkan mengambil tidak melebihi tiga (3) kursus sahaja.

2.6.3 Pelajar hanya membuat penambahan dan penguguran kursus selama seminggu pendaftaran kursus sahaja.

2.6.4 Permohonan untuk tidak mengikuti Semester 3 bagi pelajar yang telah mendaftar kursus pada minggu pendaftaran hendaklah dibuat secara rasmi kepada Timbalan Pendaftar (Akademik) setelah disokong oleh Dekan/Fakulti/Pusat sebelum **11 Ogos 2024** untuk mendapatkan pelepasan yuran. Permohonan selepas tarikh tersebut akan dikira menarik diri daripada kursus dan diberi gred TD.

2.6.5 Gred-gred yang diperolehi bagi kursus Semester 3 akan diambil kira dalam Purata Nilai Kumulatif Gred (PNGK) pada semester berikutnya (Semester 1 Sesi Akademik 2024/2025).

2.6.6 Tempoh pengajian Semester 3 Sesi Akademik 2023/2024 tidak diambil kira bagi menentukan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk keperluan pengijazahan.

2.6.7 Bayaran denda RM50.00 akan dikenakan jika lewat mendaftar kursus.

2.6.8 Semasa pendaftaran, pelajar hanya perlu memilih butang pendaftaran kursus semasa. Pelajar perlu memastikan pendaftaran kursus dibuat untuk Semester 3 Sesi Akademik 2023/2024.

3. Sebarang masalah atau pertanyaan mengenai perkara di atas, sila emelkan kepada smpweb@ukm.edu.my / akad@ukm.edu.my atau hadir ke Kaunter Pusat Pengurusan Akademik/Fakulti/Pusat untuk tindakan selanjutnya.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02610

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00210

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



BASIR BIN BAHIR

Timbalan Pengarah (Governans Akademik)
Menjalankan Tugas Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Dekan, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
 - Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 - Dekan, Fakulti Pendidikan
 - Dekan, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
 - Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 - Dekan, Fakulti Sains Kesihatan
 - Dekan, Fakulti Farmasi
 - Dekan, Fakulti Pengajian Islam
 - Dekan, Fakulti Undang-Undang
 - Dekan, Pusat Pengajian Citra Universiti
 - Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
 - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
 - Ketua Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Semua Pegawai Tadbir Fakulti/Pusat
 - Yang Dipertua,
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my